

# MRT Sungai Buloh-Kajang mula operasi Disember

**KUALA LUMPUR 22 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin fasa pertama projek aliran transit masa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang akan mencapai sasaran mula beroperasi Disember ini.

Perdana Menteri memberitahu, setakat Mei lalu sebanyak 86.25 peratus daripada komponen projek berkenaan telah disiapkan.

“Keseluruhan laluan Sungai Buloh-Kajang akan beroperasi sepenuhnya mulai Julai 2017, insya-Allah,” katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Fasa pertama projek MRT sepanjang 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang termasuk laluan bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer dilancarkan pada Julai 2011.